

HASSAN MAHMOOD AL-HAFIZ: SUATU BIOGRAFI

Faten Zakiah Binti Zin¹, Sabri Mohamad (PhD)²

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

faza_damai@yahoo.com

ABSTRAK

Kertas kerja ini ditulis dan dikaji bagi menceritakan tentang riwayat hidup Dato' Hassan Mahmood al-Hafiz. Beliau adalah seorang tokoh al-Quran yang sangat terkenal dan dikagumi di era masa kini. Kesungguhan dan kegigihan beliau untuk memartabatkan pengajian al-Quran begitu sangat dikagumi. Akan tetapi generasi muda kini kurang mengenali bahkan ada yang langsung tidak mengenali tokoh yang banyak berjasa dalam bidang Quran ini. Justeru itu, Kertas kerja ini bertujuan untuk menyingkap biografi beliau dengan lengkap. Kertas kerja ini menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif melalui kajian perpustakaan dan temubual. Hasil kertas kerja ini, penulis mendapati bahawa beliau merupakan tokoh al-Quran yang sangat aktif, berwibawa dan berwawasan tinggi.

PENGENALAN

Suatu bidang ilmu itu tidak akan tersebar meluas dan diketahui umum sekiranya tiada pewaris yang akan mewarisi selanjutnya menyebarluaskan ilmu tersebut dengan penuh berkesan. Dalam pada itu seharusnya bagi generasi masakini bukan hanya sekadar mempelajari dan mewarisi sesuatu ilmu, malah adalah wajar untuk generasi masa kini mengenali dan mengkaji siapakah tokoh tersebut dan bagaimanakah usaha-usaha beliau dalam mewarisi selanjutnya menyebarkan sesuatu bidang.

Oleh kerana tajuk kajian adalah mengenai ketokohan Hassan Mahmood al-Hafiz, maka pengkaji akan mengetengahkan latar belakang Hassan Mahmood al-Hafiz dan keperibadian beliau sebagai salah seorang yang berjasa dalam bidang al-Quran.

PERNYATAAN MASALAH

Dato' Hassan Mahmood al-Hafiz merupakan seorang tokoh Al-Quran yang amat terkenal ceramah-ceramah agama di kaca television, corong-corong radio dan beliau sangat dikenali umum. Berdasarkan daripada pemerhatian awal pengkaji mendapati beberapa laman blog yang mendedahkan berkenaan latarbelakang Dato' Hassan Mahmood al-Hafiz. Serta aktiviti dan sumbangan beliau secara umum dengan mengemukakan hasil-hasil pengkaryaan dan juga rakaman berkaitan ilmu asas Frdhu 'Ain yang dirakamkan sendiri.

¹Pelajar Sarjana Jabatan Pengajian al-Quran dan al- Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

² Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian al-Quran dan al- Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Namun kajian kepada sumbanagn beliau dalam bidang al-Quran masih belum dilakukan secara khusus oleh mana-mana kajian dan penulisan yang pengkaji merasakan ianya perlu dilakukan.

Jadi bertitik tolak dari permasalahan ini, penulis melihat pentingnya kajian berkenaanUstaz Dato' Hassan Mahmud al-Hafiz ini diketengahkan ini kerana dalam kajian ini akan mengupas lebih mendalam mengenai sumbangan yang dilakukan oleh beliau terutamanya dalam bidang al-Quran sekaligus bagi membuktikan bahawa beliau sememangnya seorang tokoh al-Quran yang harus dikagumi serta mampu untuk dijadikan qudwah hasanah bagi masyarakat pada masa kini.

OBJEKTIF KAJIAN

Betujuan untuk mengkaji riwayat hidup serta latarbelakang tokoh al-Quran kontemporori yang sangat berjasa dalam bidang quran.

METODOLOGI KAJIAN

Metode kajian ini adalah menggunakan pendekatan kualitatif iaitu menggunakan kaedah temubual dan kepustakaan.

LATAR BELAKANG DAN RIWAYAT HIDUP HASSAN MAHMOOD AL-HAFIZ.

Hassan Mahmood al-Hafiz dilahirkan pada 11 september 1948 di Kampung Padang Kria, Sanglang , Perlis Indera Kayangan. Nama penuh beliau adalah Alam bin Mahmud. Ibunda beliau bernama Putih binti Lebai Man. Hasil perkahwinan antara ayah beliau, Mahmud bin Mat Piah bersama Putih binti Lebai Man, mereka dikurniakan tujuh orang cahaya mata . Hassan merupakan anak yang keempat daripada tujuh adik beradik. Namun begitu, umur ayah Hassan tidak panjang ayah kepada Hassan tidak dapat hidup lama kerana menanggung sakit. Selang beberapa tahun perkahwinan bersama ibunya, ayahnya telah dijemput Ilahi. Kemudian, ibundanya berkahwin dengan ayah tirinya, dan dikurniakan empat orang cahaya mata.³

Bapa kepada Hassan Mahmud hanya merupakan orang kampung biasa yang bekerja keras sebagai petani dan pesawah. Ayahnya juga merupakan guru agama yang terkenal dikampungnya. Berkat kurniaan Allah, ayahnya memiliki bakat dalam seni suara, beliau sering mendapat jemputan ke majlis majlis dikir dan zikir pada setiap kali ada keraian di kampung. Manakala ibunya merupakan suri rumah dan merupakan salah seorang bidan yang terkenal di kampung mereka. Sifat lemah lembut dan penyayang ibunya membuatkan anak-anaknya menjadi sangat rapat dengan ibunya.

Selepas kematian ayahanda tercinta, Hassan Mahmud dipelihara dan dijaga oleh ibu dan bapa saudaranya. Berkat usaha gigih dan dorongan yang diberikan oleh

³ Temubual: Hassan Mahmood al-Hafiz ,2 september 2016,Desa Pinggiran, Putrajaya.

ibu dan bapa saudaranya, Hassan berjaya untuk ke sekolah akhirnya. Bermula dari zaman kecil lagi, Hassan sudah memiliki bakat dalam seni suara. Beliau sering mendapat jemputan ke majlis-majlis agama di kampungnya. Selain itu, beliau juga gemar terlibat dengan kerja-kerja kampung seperti bersawah dan mengambil padi.

Walaupun melalui keperitan dalam hidup, akan tetapi pembelajaran tetap menjadi keutamaan baginya. Beliau merupakan seorang pelajar yang sangat rajin dan merupakan seorang pelajar yang sangat bersungguh-sungguh dan berusaha gigih dalam menuntut ilmu. Hassan Mahmood merupakan anak yang paling berjaya berbanding adik beradiknya yang lain.

Menurut beliau, ayahnya tidak pernah menyuruh beliau untuk baca buku, tetapi, ayahnya hanya menyuruh beliau untuk mencari kayu, membelah kayu, mengangkat air serta menjaga adik. Akan tetapi, Hassan Mahmood al-Hafiz tetap mengambil masa dan peluang dengan memperuntukkan masa untuk sepenuhnya mengulangkaji pelajaran. Menurut beliau lagi, beliau akan memastikan bahawa beliau tidak akan tercicir kelas walaupun sehari.

Pendidikan Peringkat Rendah dan Menengah

Hassan Mahmood al-Hafiz mendapat pendidikan awal ketika berumur tujuh tahun di Sekolah Umum Padang Keria, Sanglang Perlis. Beliau menuntut ilmu di sekolah ini sehingga darjah enam. Kemudian beliau mendapatkan pendidikan menengah di Sekolah Menengah Arab Bohor, Mali, Kayang, Perlis. Di sekolah ini beliau menuntut ilmu bermula dari tingkatan satu sehinggalah tingkatan tiga. Di sekolah ini juga Hassan Mahmood al-Hafiz secara persendirian mengambil Sijil Rendah Pelajaran (SRP) dan hasilnya, beliau berjaya meraih pangkat A dalam ujian tersebut.

Berkat mendapat keputusan yang cemerlang, beliau berjaya diterima untuk melanjutkan pelajaran ke Sekolah Menengah Agama Al- Alawiyah yang terletak di Arau Perlis untuk menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Ternyata keputusan yang diperolehinya sangat cemerlang sehingga beliau terpilih mengikuti kursus Belia Negara di Dusun Tua., Hulu Langat, Selangor pada tahun 1970.

Selepas beliau tamat menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), beliau berjaya mendapat biasiswa kerajaan negeri Perlis untuk melanjutkan pelajaran menghafal al-Quran di Masjid Negara. Beliau berjaya menamatkan hafalan al-Quran ketika berusia 23 tahun. Berkat kesungguhan dan kegigihan beliau, Hassan Mahmood hanya memerlukan tiga tahun sahaja untuk menghafal al-Quran iaitu ketika berusia 20 tahun.

Pendidikan Peringkat Tinggi.

Beliau bercita-cita untuk menyambung pengajiannya di Mesir. Akan tetapi pada masa itu, beliau tidak mempunyai duit untuk sambung belajar. Ketika itu pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) masih belum mengeluarkan sebarang biasiswa agama untuk anak Melayu. Oleh kerana semangat beliau yang begitu kuat dan membara untuk menuntut ilmu di Mesir, beliau sanggup berjuang untuk berjumpa dengan

Perdana Menteri ketika itu. Menurutnyanya, almarhum Allahyarham Tun Abdul Razak pernah menjanjikan tawaran biasiswa ke Mesir kepada pelajar lepasan tahfiz ketika berucap dalam satu majlis perasmian Musabaqah al-Quran peringkat antarabangsa. Atas dasar ini, Hassan Mahmood, berazam bersungguh-sungguh untuk menuntut apa yang telah dijanjikan kepada mereka.

Tuntutan itu bermula dengan usaha yang dilakukan beliau untuk berjumpa dengan Tun Abdul Razak sendiri, tetapi gagal. Beliau semakin nekad dan berani mengadakan tunjuk perasaan di hadapan Masjid Negara. Sebelum keadaan menjadi lebih teruk, Hassan diminta berjumpa pula dengan Ketua Setiausaha Negara (KSN) Allahyarham Tan Sri Abdul Kadir Shamsuddin untuk memperjelaskan keadaan sebenar. Namun, pertemuan dengan Tan Sri Kadir juga dianggap tidak berjaya kerana kerajaan masih tidak nampak peranan yang boleh dimainkan oleh pelajar lepasan tahfiz kepada negara.

Kegagalan itu tidak melemahkan Hassan. Beliau dan rakan-rakannya menemui Setiausaha Majlis Agama Islam MAIS (sekarang Pusat Islam) yang ketika itu dipegang oleh ustaz Nawawi Mahmud untuk menuntut perkara yang sama.

Akhirnya, pada tahun 1973, berkat kegigihan Hassan Mahmood dan rakan-rakan, buat pertama kalinya, iaitu sebulan selepas pertemuan dengan setiausaha MAIS, bersama empat rakan yang lain, Hassan berjaya memenuhi impiannya untuk melanjutkan pengajiannya ke Mesir. Mereka merupakan kumpulan anak Melayu pertama yang mendapat tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang dihantar ke luar negara untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang agama dan pengajian al-Quran.

Enam tahun merupakan tempoh yang sangat singkat bagi Hassan dan rakan-rakan menimba ilmu pengetahuan dan yang pastinya memperoleh pelbagai kenangan pahit dan manis merupakan salah satu pengajaran yang mereka peroleh sepanjang menuntut ilmu di sana. Ini kerana, masyarakat Arab sendiri pada ketika tu merasa hairan melihat kepada apa yang sedang Hassan dan rakan-rakannya lakukan. Mereka musykil mengapa seseorang yang tidak pandai berbahasa Arab seperti kami, tetapi begitu mahir dalam membaca al-Quran beserta tajwid yang sempurna. Sedangkan mereka sendiri yang bertutur dalam bahasa Arab tidak menunjukkan minat yang besar dan mendalam dalam memperhalusi inisipati kitab suci itu.

Pada tahun 1982, kumpulan pelajar ini yang terdiri daripada bekas Qodhi Kedah, Zainol Noh, Imam Besar Masjid Ipoh, Mohd Nor Mansor dan Zaharuddin Haji Ahmad yang kini menetap di Brunei serta termasuk Hassan sendiri, Berjaya pulang ke tanah air dengan membawa pulang kejayaan yang diimpikan iaitu ijazah Sarjana Muda (B.A) dalam Ilmu Qiraat dan usuluddin dari Universiti Al-Azhar, Mesir.

ALAM RUMAHTANGGA

Pada tahun 1973, sewaktu menuntut di Sekolah Menengah Agama Al- Alawiyah, Hassan telah bertemu jodoh dengan salah seorang pelajar di sekolah tersebut iaitu Maznah yang juga berasal dari Perlis. Setelah menamatkan pengajiannya di sekolah

ini, Hassan telah membawa isterinya yang berusia 21 tahun pada ketika itu ke Mesir bagi sama-sama menemani beliau semasa menyambung pelajaran di sana.

Maznah merupakan isteri pertama kepada Hassan. Hasil daripada perkahwinan ini, pasangan ini telah dikurniakan tiga orang cahaya mata satu lelaki dan dua perempuan. Puan Maznah merupakan Pengarah di Ibtisam Travel. Sifatnya yang lemah lembut dan mudah mesra ini membuatkan anak-anaknya sangat rapat dengannya.

Anak sulung beliau ialah Ustaz Anwar , pelajar lulusan Universiti Yarmouk, Jordan merupakan Pengarah di Ibtisam Travel yang kini giat beroperasi di pejabat yang terletak di Selayang. Anak yang kedua ialah Puan Aman , kini bertugas sebagai salah seorang pegawai di Ibtisam Travel, merupakan pelajar lulusan Kolej Univeriti Islam Selangor (KUIS). Anak yang ketiga pula bernama Aiman Insyirah, pelajar lulusan Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan kini sedang menyambung pengajian di peringkat Sarjana di university yang sama dalam bidang Teknologi Maklumat. Kini bertugas sebagai salah seorang tenaga kerja di Ibtisam Travel sebagai Pegawai Teknologi Maklumat.

Pada tahun 1984, Hassan telah melangsungkan perkahwinan ke duanya bersama Jamaliah binti Harun yang berasal dari Dungun Terengganu. Hassan mengahwini isteri keduanya yang merupakan seorang guru agama ketika isterinya berusia 21 tahun. Hasil perkahwinan tersebut, mereka dikurniakan tiga orang cahayamata iaitu seorang lelaki, dan dua orang perempuan. Hassan mula mengenali isteri kedua nya ini ketika mengikuti seminar di Kuala Lumpur.

Anak sulung dari hasil perkahwinan ke dua ini ialah Asyraf yang berusia 27 tahun dan telahpun berkahwin merupakan lulusan dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) dalam bidang Komunikasi. Kini berkhidmat sebagai Director Astro Oasis. Anak yang kedua ialah Amirah merupakan lulusan dari salah sebuah Universiti di United Kingdom dalam bidang kejuruteraan .Kini sedang berkhidmat di Perbadanan Nasional Berhad (PNB). Amirah akan menamatkan pengajiannya pada Jun ini, iaitu di peringkat Sarjana dalam bidang Ekonomi di Universiti Putra Malaysia (UPM). Mana kala anak yang ketiga hasil dari perkahwinan kedua ini ialah 'Athifah 18 tahun yang sedang menyambung pelajaran di tingkatan 6 di salah sebuah sekolah di Putrajaya.

Pada tahun 2009, Hassan sekali lagi melangsungkan perkahwinan untuk kali ketiga bersama Melly Maliha binti Mydin yang berasal dari Sabah. Isteri ketiga ini merupakan saudara baru. Beliau memeluk agama Islam ketika berkahwin dengan Hassan ketika berusia 21 tahun. Hasil dari perkahwianan ketiga ini, Hassan dikurniakan sepasang cahayamata. Anak sulungnya bernama Aswad berusia 7 tahun kini bersekolah di sekolah swasta iaitu Green View Islamic International School. Manakala anak kedua iaitu Ainsyirin berusia 4 tahun dan sedang mendapat pendidikan awal di tadika swasta iaitu di Real Kids Putrajaya.⁴

Walaupun memiliki banyak isteri, Hassan berjaya menyatukan kesemua isteri-isterinya agar duduk satu bumbung sesama mereka. Beliau sentiasa mendidik anak-

⁴ Temubual: Hassan Mahmood al-Hafiz ,2 september 2016, Desa Pinggiran, Putrajaya.

anak dengan ilmu agama dan akhlak yang baik. Sejak kecil anak-anak beliau dididik untuk mengerjakan solat lima waktu dan beliau amat marah apabila anak-anak lalai dalam mengerjakan solat. Solat berjemaah dan makan bersama keluarga juga merupakan satu amalan dalam keluarga. Ini kerana, melalui aktiviti ini, hubungan kekeluargaan dapat dieratkan dan segala permasalahan dapat dibincangkan. Hassan juga tidak kekok untuk membantu isteri menguruskan rumahtangga, terutama sekali di dapur. Kekadang beliau sendiri menyangi dan memasak lauk yang dibeli dan memanggil ahli keluarga makan bersama.

Maka tidak hairanlah, hasil dari didikan Hassan Mahmud bersama ketiga-tiga isterinya, kesemua anak-anak beliau telah berjaya dalam kehidupan.

GURU DAN RAKAN SEPERJUANGAN HASSAN MAHMOOD AL- HAFIZ

Hassan Mahmood al-Hafiz apabila ditanya mengenai guru-guru beliau seemasa belajar, beliau ada menyebutkan beberapa nama guru yang sangat menjadi contoh tauladan buat beliau antaranya ialah Syiekh Hassan Ismail berasal dari negeri Johor merupakan salah seorang calon yang mewakili Malaysia dalam Musabaqah Al-Quran. Syiekh Hassan Ismail merupakan seorang guru yang sangat hebat dari pandangan peribadi Hassan Mahmud. Ini kerana gurunya ini mampu mengajar sebanyak dua belas matapelajaran seorang. Beliau menguasai banyak bidang ilmu antaranya , Ilmu Tafsir, al-Quran, Hadis, Feqah, Mantiq, Faraid, dan banyak lagi.

Beliau juga sempat menuntut ilmu dengan keluarga Ustaz Din, antaranya ialah Almarhum Dato' Harun Din iaitu sewaktu di Bohor Mali, ketika mengambil Sijil Rendah Peperiksaan (SRP). Menurut beliau, Allahyarham Harun Din mengajarnya dalam matapelajaran Bahasa Arab, dan beliau sangat mahir dalam Ilmu Nahu. Hassan Mahmud sempat juga menuntut ilmu bersama Ishak Din, iaitu adik kepada Almarhum Dato' Harun Din.

RAKAN-RAKAN SEPERJUANGAN.

- 1) Dato' Syaari Abdullah (Johor, Qhodhi)
- 2) Ustaz Abdul Salam Muhammad (Terengganu)
- 3) Dato' Muhammad Nor Mansor (Perak)
- 4) Ustaz Ilham bin Ihsan. (Selangor)
- 5) Dr. Abdul Aziz Hanafi
- 6) Dr. Uthman Muhammad

ANAK MURID HASSAN MAHMOOD AL- HAFIZ

Sepanjang bertugas sebagai Pemangku Mudir di Institut Tahfiz Quran kini (Darul Quran), beliau memiliki ramai anak murid dan kini anak-anak murid beliau menjadi antara orang-orang yang berjaya dalam bidang masing-masing. Antara anak-anak murid yang masih segar diingatan beliau ialah.

Bil	Nama	Pencapaian
1.	Ustaz Othman Hamzah	Imam Besar Masjid Negeri

2.	Dato' Zulkifli Ali	Bekas Imam Besar Masjid Besar Kuantan
3.	Ustaz Roslan	Imam Besar Masjid Zahir, Alor Setar, Kedah
4.	Ustaz Shafie	Mudir Maahad Tahfiz Gemenceh
5.	Allahyarham Ustaz Hassan Shaari	Mudir Maahad Tahfiz Port Dickson
6.	Allahyarham Ustaz Ahmad Mustafa	Mantan Imam Besar Masjid Negeri Shah Alam
7.	Ustaz Hassan Basri	Imam Masjid Bukit Aman
8.	Ustazah Huzaimah	Pendidik di Brunei
9.	Ustazah Shahidah Shuib	Pensyarah Darul Quran, JAKIM
10.	Ustazah Hayati	Berkhitmat di JPM
11.	Ustazah Khusnah binti Husaini	Berkhitmat di JPM

Berikut merupakan senarai nama pelajar lepasan Muassasah Darul Furqan yang ditubuhkan oleh Hassan Mahmud al-Hafiz

TAHUN	BIL	NAMA	PENCAPAIAN
1998	1.	Mohd Hilmi bin Hj. Mohd Said	Graduan Al-Azhar, Mesir
	2.	Ahmad Fadhil bin Che Ros	Graduan Al-Azhar, Mesir, Sedang berkhidmat
	3.	Mohd Hazizul bin Hj. Ghouth	Menyambung Pengajian, Malaysia
	4.	Mohd Arifuddin bin wan Abdul Razab	Menyambung Pengajian, Malaysia
	5.	Wan Mardhi bin Wan Qauri	Al-Azhar, Mesir
	6.	Mohd Zamri bin Ramli	Menyambung Pengajian, Malaysia
	7.	Mohd Sallehuddin bin Ali Mushaffak	Menyambung Pengajian, Malaysia
	8.	Mohd Sofkhi bin Ibrahim	Ummul Quro, Madinah, Saudi
	9.	Mohd Hizami bin Hj. Mohd Said	Kolej Swasta, Malaysia
	10.	Mohd Yazid bin Ishak	Al-Azhar, Mesir
	11.	Hanafiah bin AbuHasan	Pengajian Pondok

	12.	Ahmad Riduan bin Samsuddin	Sanaa
	13.	Mohd Mustaqim bin Abdul Rahman	Berkhidmat
1999	14.	A.Mohd Rahmat bin Mohd Halif	Yarmouk Universiti, Jordan.
	15.	Anas Taslimbin Abd Latiff	(Tiada Maklumat)
	16.	Mohd Firdaus bin Pazim	Al-Azhar, Mesir
	17.	Mohd Fakhurrrazi bin Sahibul Ghani	Kolej Universiti Islam Selangor
	18.	Mohd Haneef bin Zin	GraduanDarul Mustapha, Hadramout, Yaman.
	19.	Mohd Sufian bin Mohd Zainol	Al-Azhar, Mesir
	20.	Mohd Hafiz bin Che Halim	Pengajian Pondok
	2003	21.	Mohd Khairi Bin Shamsuri
22.		Mohd Syahid bin Ahmad	(Tiada Maklumat)
23.		Mohd Shahnizar bin Salleh	Pengajian Pondok
24.		Mohd Hafeez bin Salim	Al-Azhar, Mesir
25.		Mohd Naim bin Zanel Alam	(Tiada Maklumat)
26.		Ahmad Syawal bin Shamsuddin	MADIWA, Bagan Serai, Perak
27.		Ahmad Khairi bin Abdul Rahim	MADIWA, Bagan Serai, Perak
28.		Abdul Hadi Bin Damanhuri	Persediaan ke Mesir, (Pengajian Kedokteran)
29.		Qhalif Kifli bin Zulkifli	(Tiada Maklumat)
2005	30.	Mohd Faiz bin Mastam	MADIWA, Bagan Serai, Perak
	31.	Nurul Iman bin Hanafiah	Tamat dan Ulangan di MUDAF
	32.	Mohd Khairuddin bin Mohd Pawzi	Darul Mustapha, Hadramout, Yaman.

KERJAYA DAN PENCAPAIAN HASSAN MAHMOOD AL- HAFIZ

Selepas memperoleh biasiswa dan menamatkan pengajian di Mesir, pada awal tahun 1982, beliau mendapat tawaran menjadi Imam Masjid Negara. Maka bermula dari saat itu satu demi satu pencapaian telahpun Hassan Mahmood peroleh.

Kemudian Hassan Mahmud menjadi pensyarah di Institut Tahfiz Quran(ITQ) pada ketika itu terletak di Jalan Cenderasari, Bukit Aman sebagai pensyarah merangkap sebagai guru disiplin. Selama setahun beliau bertugas di (ITQ), Beliau kemudiannya dipindahkan ke bahagian Institut Dakwah (INDAH) iaitu pada tahun 1985.

Seterusnya, pada tahun 1986 beliau ditugaskan kembali untuk berkhidmat di Institut Tahfiz Quran(ITQ) yang kini dikenali sebagai Darul Quran (DQ) sehingga

1989. Namun kali ini, beliau ditugaskan sebagai Pemangku Mudir kerana pada ketika ini, Mudir telah dipinjamkan ke Brunie. Sepanjang tiga tahun menjadi Pemangku Mudir, pelbagai pembaharuan dan kebiakan yang telah dilakukan oleh Hassan Mahmud. Selepas berakhirnya zaman kegemilannya beliau di Institut Tahfiz Quran(ITQ). Beliau menamatkan perkhidmatannya dan bersara.⁵

Ciri-Ciri Keperibadian Hassan Mahmood Al- Hafiz

Pengkaji telah menyenaraikan ciri-ciri keperibadian yang dimiliki oleh Hassan Mahmood al-Hafiz. Ciri-ciri ini jelas menceritakan tentang ketokohan beliau sebagai seorang yang ahli dalam bidang al-Quran.

a. Seorang yang warak dan alim

Menurut Imam Nawawi, (t.th:69), “ seseorang itu tidak dikatakan alim sehingga ia mengamalkan pada dirinya sendiri perkara-perkara yang tidak lazim diamalkan oleh orang ramai, sedangkan amalan itu jika ditinggalkan tidak berdosa” .

Menurut Haji Anuar (2017), Hassan Mahmood al Hafiz adalah seorang yang sangat alim dan wara'. Beliau dilihat sering melakukan solat sunat Dhuha, solat sunat tahajjud, puasa sunat dan puasa enam. Beliau tidak pernah meninggalkan solat berjemaah pada waktu subuh, maghrib dan isya', melainkan beliau berada di luar kawasan.⁶

Menurut Ustazah Khusnah binti Husaini (2017), ketika ditanya mengenai amalan-amalan yang sering dilakukan Hassan Mahmood al Hafiz, beliau mengatakan tidak berapa pasti tentang amalan harian tokoh ini, kerana Hassan Mahmood al-Hafiz tidak pernah bercerita apa –apa mengenai amalan-amalan sunat yang beliau lakukan. Namun pemerhatian beliau sepanjang menjadi anak didiknya, tokoh sering bersedekah dan berpuasa sunat.⁷

Menurut anak sulungnya, Ustaz Anuar, (2017) ayahnya merupakan seorang yang suka membaca, setiap kali beliau duduk berehat mesti bersama kitab, rajin membuat ulangkaji, apabila bangun malam, beliau akan mengejutkan anak-anak serta isteri untuk menghidupkan seperti malam secara berjemaah.

b. Merendah diri dan Tawaddu'

Sosok tubuh insan yang bernama Hassan Mahmood al-Hafiz ini, merupakan seorang yang sangat merendah diri, selalu melemparkan senyuman dan sentiasa menjadi orang yang pertama membei salam. Walaupun memiliki jadual kerja yang sangat sibuk, Hassan Mahmood akan memberikan layanan yang terbaik buat siapa sahaja yang berjumpa dengannya, dan situasi ini memberikan kondisi yang selesa bagi sesiapa yang berurusan dengannya. (Khusnah Husaini 2017)⁸

Sebagai orang yang sangat rapat dengan tokoh, Ustaz Anuar mengatakan bahawa mereka akan pergi kemana-mana sahaja berdua, dan pada suatu hari

⁵ Temubual: Hassan Mahmood al-Hafiz ,2 september 2016,Desa Pinggiran, Putrajaya.

⁶ Temubual: Khusnah binti Husaini ,12 julai 2017,Selayang

Beliau merupakan anak sulung dari isteri pertama kepada Hassan Mahmood .

⁷ Temubual: Khusnah binti Husaini ,12 Mei 2017,Masjid Besi, Sultan Zainal Abidin, Putrajaya.

Beliau merupakan anak murid Hassan Mahmood angkatan pertama di Institut Tahfiz Quran

⁸ Temubual: Khusnah binti Husaini ,12 Mei 2017,Masjid Besi, Sultan Zainal Abidin, Putrajaya.

Beliau merupakan anak murid Hassan Mahmood angkatan pertama di Institut Tahfiz Quran.

pernah keretanya digesel oleh kereta lain, dan apa yang dilakukan tokoh sama sekali tidak mempamerkan wajah bengis atau mengher

dik pemandu tersebut, akan tetapi, beliau dengan lapang dadanya memaafkan dan melepaskan ia pergi. Sikap merendah diri dan tidak berkira tokoh ini membuatkan beliau mudah untuk didekati dan didampingi.

- c. Seorang yang jujur, amanah dan prihatin
Komitmen Hassan Mahmood melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diberikan menunjukkan beliau merupakan seorang yang amanah dan boleh dipercayai. Beliau akan cuba sedaya mampunya untuk menyelesaikan setiap permasalahan yang diajukan kepada beliau, dan jika beliau tidak mampu untuk menyelesaikan permasalahan tersebut, beliau akan mengak dengan jujurnya yang beliau tidak menjumpai jalan penyelesaiannya.
Sikap prihatin Hassan Mahmood dalam menjalankan tugas sebagai pengetua Institut Tahfiz Quran dapat dilihat apabila salah seorang anak muridnya mendapat gangguan dari makhluk halus, Hassan Mahmood segera datang menghulurkan bantuan, walaupun pada ketika itu di luar waktu kerja. (Khusnah Hsaini, 2017)
- d. Tegas, tetap pendirian dan istiqomah
Walaupun Hassan Mahmood al Hafiz ini seorang yang lemah lembut, tetapi beliau amat tegas dan tetap pendiriannya terutama berkaitan dengan al-Quran.
Menurut Ustaz Anuar Hassan(2017), Hassan Mahmood amat tegas dengan sesuatu perkara yang melibatkan permasalahan tentang bacaan, hukum – yang terkandung dalam al-Quran. Sebagai contoh, pernah suatu hari sewaktu beliau sedang tidur, anaknya sedang mengalunkan ayat-ayat suci al-Quran, dan bacaan itu salah, lalu Hassan Mahmood terus bangun dan menegur bacaan anaknya yang salah itu.
Sikapnya yang begitu mencintai al-Quran boleh diibaratkan seperti sudah sebatu dalam darah dagingnya, sehingga kini, jika bertemu dengan anak cucu nya, pasti beliau akan bertanyakan tentang al-Quran. Beliau sangat menitik beratkan pembacaan al-Quran kerana di situlah ketengan diperoleh. (Anuar Hassan 2017).
- e. Lemah lembut, sopan santun, dan mudah mesra.
Perwarakan yang amat ketara yang dimiliki oleh Hassan Mahmud Al-Hafiz ialah, beliau merupakan seorang yang sangat lemah lembut dan bersopan santun. Beliau juga merupakan seorang yang tidak mudah marah. Tutar kata beliau yang lemah lembut dan mudah mesra menyebabkan masyarakat senang bergaul dengan beliau. Sesiapa sahaja yang berjumpa dengan beliau pasti akan dilayan oleh beliau dengan mesra. (Khusnah binti Husaini 2017)
Kemesraan Hassan Mahmud Al-Hafiz ini diakui oleh salah seorang anak murid beliau angkatan yang pertama ketika di Institut Thfiz Quran (ITQ) iaitu, Hassan Mahmud Al-Hafiz sering mempelawa anak-anak murid beliau ke rumah makan bersama dengan ahli keluarga yang lain. Keadaan ini yang menjadikan hubungan antara guru dan murid menjadi rapat bagaikan anak dan ayah. Bahkan menurut mereka, Hassan Mahmud Al-Hafiz sendiri yang akan memasak dan

menghidang untuk menjamu anak-anak murid beliau makan bersama. (Khusnah binti Husaini 2017)

Ketinggian akhlak Hassan Mahmud Al-Hafiz ini jelas terlihat apabila beliau melayan tetamu. Sesiapa sahaja yang datang akan dilayan oleh beliau dan keluarganya dengan hormat dan mesra. Ini dialami sendiri oleh pengkaji ketika kali pertama bertandang ke rumah beliau dalam pada masa yang sama, beliau sangat terkejut dan teruja apabila mendapati dirinya menjadi bahan kajian.

PENUTUP

Kesimpulannya, dengan adanya kajian ini, masyarakat boleh mengenali lebih dekat lagi tokoh yang dikaji, iaitu Hassan Mahmood al-Hafiz. Semangat juangnya untuk memartabatkan al Quran bukanlah untuk tontonan umum semata-mata, bahkan beliau mempraktikkan dalam keluarganya terlebih dahulu. Jadi nilai-nilai yang ada pada sosok tubuh Hassan Mahmood al-hafiz ini perlu untuk dicontohi dan diteladani oleh masyarakat, agar dengan nya masalah buta huruf dan tidak pandai mengaji dalam kalangan masyarakat menjadi sifar. Semoga hasil kajian ini memberi suntikan semangat buat masyarakat untuk menjadikan al-Quran sebagai hiburan dan halwa telinga dan hati.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

Ahmad Shafiq Mat Razali, Wan Hilmi Wan Abdullah (2015) "*Ketokohan Haji Abdul Rahim Ahmad Dalam Bidang Tarannum Dan Kaedah Tilawahnya.*". Prosiding International Seminar on Tarbiyyah, Konsep Tarbiyah Dalam Pendidikan : Cabaran dan Harapan..Universiti Islam Negeri ar-Raniry, Banda Aceh.

Wan Hilmi Wan Abdullah, Dr. Sabri Mohammad, dan Ahmad Shafiq Mat Razali, (2015) *Ketokohan Dan Sumbangan Syeikh Mustafa Ismaicil Dalam Dunia Tilawah Al-Quran Dan Kaedah Uslub Al-Qira'ah Beliau* Prosiding Seminar Wahyu Asas Tamadun iv Peringkat Antarabangsa: Memasyarakatkan Quran, Mensejahterakan Ummah. Dewan Kuliah Fakulti Pengajian Quran Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.

Ermy Azziaty Rozali & Mohd Samsuddin Harun. 2006. *Ketokohan Tuan Guru Haji Ahmad Maccsom Pergau Dan Sumbangannya dalam Pengajian al-Quran di Kelantan dan Terengganu.* Prosiding Nadwah Ulama Nusantara III, Ketokohan Dan Pemikiran Ulama Melayu. UKM Bangi: Fakulti Pengajian Islam.

Kamus Dewan. 1998. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Kamus Inggeris Melayu Dewan. 1991. Selangor. Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Tsao, J.C. & Coll, G.59 (2004):381-392., '*To give or not to give: Factors Determining Alumni intent to make Donations as a PR outcome*', Journalism & Mass Communication Educator

Okunade, A.A55/2 (1996):213-229., '*Graduate school alumni donations to academic funds: Microdata Evidence.*' Journal of Economics and Sociology,.

- Clotfelter, C. T.12/2 (2001):119-138., 'Who are the alumni donors: Giving by two generations of alumnifrom selective colleges', *Nonprofit Management and Leadership*
- Wastyn, M.L. 9/2 (2009):96-108., 'Why alumni don't give: A qualitative study of what motivatesnondonors to higher education', *International Journal of Educational Advancement*.
- Abi Zakariyya Yahya bin Syaf al-Din al-Nawawi (1993 M.) Basyir Muhammad Uyun(ed.), *Al-Tibyan fi Adab Hamlatul al-Quran*. Beirut : Maktabah Dar al-Bayan .
- Abi Zakariyya Yahya bin Syarf al-Din al-Nawawi (1994M.)*Sahih Muslim Bi Syarh al-Nawawi*, juz . 11, cet. 2.Beirut : Muassasah Qurtubah.
- Abu Urwah (2001), *Sistem-sistem Islam: Satu Analisis Perbandingan*, Kuala Lumpur : Pustaka Salam.
- Abdul Hafiz Abdullah etl (2003), *Keberkesanan Kaedah Hafazan di Pusat Tahfiz*. Laporan Penyelidikan UTM Skudai : Johor.
- Abdul Hafiz Abdullah etl (2005),*Sistem Pembelajaran Dan Kaedah Hafazan Al-Quran Yang Efektif :Satu Kajian Di Kuala Lumpur Dan Terengganu*. Laporan Penyelidikan UTM Skudai : Johor.
- Abdul Hafiz Abdullah (2006), Minda, PPIPS, *Kaedah Hafazan Al-Quran Yang Sistematik*.Skudai : Universiti Teknelogi Malaysia.
- Abdul Hafiz Abdullah (2007), *Jurnal Tahfiz Al-Quran Singapura :Kepelbagaian Kaedah Hafazan Al-Quran Di Seluruh Dunia*. Singapura : Darul Quran Masjid Kg.Singlap.
- Abdul Hafiz Abdullah (2008), Modul Bengkel Teknik Menghafaz Al-Quran Siri 4 : *Kaedah Hafazan Sitem Turki*. Johor Bharu : UTM.
- Abdul Hlim Tamuri etl (2004), *Keberkesanan Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam ke Atas Pembangunan Diri Pelajar*. Lporan Penyelidikan : UKM.
- Abdul Monir Yaacob (2009), *Mengenalpasti Model Institusi Tahfiz Yang Ideal*. Multaqa' Institusi Tahfiz Kebangsaan (2009), Kompleks Yayasan Pahang, Tanjung Lumpur, Kuantan, 3-5 Mac.
- Jalal al-Din Al-Suyuti (1987), *Al-Itqan Fi Uhum al-Quran*, Beirut : Dar Ibn Kathir.
- Mahyuddin Ashaari (t.t), *Pendidikan Institusi Rendah, Menengah Dan Tahfiz Abim : Rasional, Falsafah, Kurikulum, dan Operasi*. Jurnal Pendidikan Islam 13.1.
- Manaa al-Qattan (1999 M.), *Mabahith fi Ilum al-Quran*, cet. 2. Beirut : Muassasah al-Risalah.
- Mohammad Marzuqi Abd Rahim (2008), *Pengajaran Matapelajaran Hafazan al-Quran :Suatu Kajian Maahad Tahfiz Al-Quran Zon Tengah*. Kertas Projek Sarjana : Fakulti Sains Kognitif Dan Pembangunan Manusia : Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohammad Tawfiq Ramadhan (2009), *Imbasan Pendidikan Tahfiz Dan Cadangan Penyelesaian*. Multaqa' Institusi Tahfiz Kebangsaan 2009, Kompleks Yayasan Pahang, Tanjung Lumpur , Kuantan.
- Muhammad Idris Abdul Rauf Al-Marbawi (t.t), *Qamus al-Marbawi*. Jil.I.,cet.4, Kaherah : Mustafa al-Bab al-Halabi wa Awladuhu.
- Muhammad bin Muhammad Abu Syuhbah (2003), *Etika Membaca Dan*

- Mempelajari Al-Quran al-Karim*. Bandung : Penerbit Pustaka Setia.
- Norlita bt Mohd Alias (2003), *Kaedah Hafazan Al-Quran : Satu Kajian Di Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Addin, Tualang Sekolah Daerah Malim Nawar Perak Darul Ridzuan*. Johor Bharu : Universiti Teknologi Malaysia.
- Rosli bin Husin (2000), *Al-Quran Sumber Pendidikan* . Kuala Lumpur : Al-Hidayah Publisher.
- Sidek Baba (2009), *Keperluan Pendidikan Tahfiz Secara Intergriti*. Multaqa' Institusi Tahfiz Kebangsaan 2009, Kompleks Yayasan Pahang.
- Yusoff Othman (2009), *Memperkasa Kualiti dan Hala Tuju Graduan Tahfiz*. Multaqa' Institusi Tahfiz Kebangsaan 2009, Kompleks Yayasan Pahang, Tanjung Lumpur , Kuantan.